

# **SK CATHOLIC ENGLISH PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4**

**PdPR Minggu 36  
Selasa 26<sup>hb</sup> Oktober 2021**

## **UNIT 14 TOLERANSI Kempen Toleransi**

Disediakan oleh Cikgu Hamisah



## KEMPEN TOLERANSI

### Fahami gambar.


Penghuni Blok A, Pangsapuri Seri Mawar menyertai Kempen Toleransi. Kempen ini bertujuan untuk memupuk amalan bertoleransi dalam kehidupan berjiran agar suasana kejiranan aman dan harmoni.

Kami berasa gembira kerana mengamalkan toleransi dalam kehidupan berjiran. Hasilnya, hubungan kami semakin erat.




Amalan Toleransi

bertolak ansur dengan memberikan tempat duduk kepada jiran yang tua



mengawal diri daripada memarahi jiran




bersabar dengan kerentahan jiran



- ◆ Jelaskan cara kamu bertoleransi dalam kehidupan berjiran.
- ◆ Jiran yang tidak bertoleransi akan mendatangkan pelbagai kesan buruk. Apakah yang sepatutnya kamu lakukan untuk mengatasi masalah tersebut?





A colorful illustration showing two neighbors from opposite sides of a red-tiled fence. They are both wearing light blue shirts and dark-colored pants. They are shaking hands over the fence. A large speech bubble above them contains the text "HELLO NEIGHBOUR" in bold red letters. The background is a bright blue sky with white clouds.

HELLO  
NEIGHBOUR



Mari kita perhatikan situasi-situasi yang berikut dan hayati cara-cara agar kamu dapat bertoleransi dalam kehidupan berjiran. Jika kamu berhadapan dengan jiran yang tidak bertoleransi, apakah yang sepatutnya kamu lakukan untuk mengatasi masalah tersebut?





**Jiran parkir keretanya di hadapan laluan masuk ke rumah kamu.** Kamu harus bertoleransi dengan bersabar dan bertanya kepada jiran mengapa dia meletakkan kenderaannya di sana. Nasihati jiran dengan sopan agar tidak menghalang laluan masuk rumah kamu. Jika tidak berhasil, letakkan kon trafik sebagai isyarat tidak boleh meletakkan kenderaan di laluan tersebut.

**Jiran datang ke rumah kamu tanpa memakai pelitup muka.** Beritahu tahu jiran dengan segera bahawa dia tidak boleh memasuki kawasan rumah kamu sehingga dia memakai pelitup muka dan cecair pembasmi kuman. Minta jiran bersabar dan faham bahawa di rumah kamu terdapat ahli keluarga yang berisiko tinggi.




**Kucing jiran telah memecahkan pasu bunga hiasan kamu di halaman rumah.** Beritahu jiran dengan sopan bahawa kamu memaafkan kesilapan kucing kesayangan jiran tersebut. Kemudian, berbincanglah dengan baik bersama jiran bagaimana dia boleh menggantikan pasu bunga kamu yang telah rosak.

**Jiran kamu kerap melakukan pembakaran terbuka di halaman rumahnya.** Minta penjelasan daripada jiran akan tujuan pembakaran tersebut dilakukan. Jika jiran membakar colok untuk tujuan keagamaan kamu haruslah bersabar dan menghormati hak jiran kamu. Jika ianya pembakaran terbuka, nasihati jiran agar menghentikan pembakaran terbuka kerana ianya mencemarkan udara dan melanggar undang-undang alam sekitar.



**Jiran kamu kerap berlatih bermain violin pada waktu lewat malam.** Beritahu jiran secara bersopan bahawa bunyi bising tersebut mengganggu tidur kamu dan jiran-jiran yang lain. Minta jiran berlatih bermain violin pada waktu siang. Kamu juga boleh nasihati jiran agar memasang system penebat bunyi di rumahnya.



**Jiran baharu kamu tidak bertegur sapa dengan kamu.** Kamu harus mengawal diri dari berprasangka buruk terhadap jiran. Anggaplah jiran baharu kamu malu hendak bertegur sapa dengan orang yang tidak dikenali. Kamu haruslah bertoleransi dengan jiran dengan cara menegur mereka terlebih dahulu agar mereka tidak segan untuk beramah mesra dengan kamu dan jiran-jiran yang lain.

**Anak jiran kamu suka menguji bunyi ekzos keretanya yang bising setiap pagi.** Kamu haruslah berusaha mengawal diri dari marah dan memberitahu jiran kamu dengan sopan bahawa perbuatan anaknya mengganggu kamu dan jiran-jiran lain. Minta jiran agar menasihati anaknya dengan baik. Jika tidak berhasil kamu boleh melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan.



**Anjing jiran kamu menyalak dengan bising pada waktu malam.** Kamu boleh menasihati jiran supaya menghantar anjingnya ke pusat latihan anjing agar anjing tersebut lebih terlatih dan tidak menyalak sepanjang malam. Jika anjing tersebut menyalak dengan kuat apabila melihat kamu, minta kebenaran jiran untuk memberikan anjing tersebut 'treat' supaya ia dapat mengenali kamu.

**Jiran kamu melupuskan sampah di hadapan rumah kamu.** Kamu harus bersabar dan mengawal diri dari memarahi jiran. Minta penjelasan daripada jiran mengapa dia membuang sampah di halaman rumah kamu. Minta dengan sopan agar dia mengambil semula sampah tersebut untuk dilupuskan dengan cara yang betul. Jika jiran masih enggan bertoleransi, kamu boleh melaporkan tindakan jiran tersebut kepada pihak berkuasa tempatan.





**Jiran kamu telah membina pagar rumahnya sehingga memasuki kawasan rumah kamu.** Kamu harus mengawal diri dari marah dan minta penjelasan jiran. Berbincanglah dengan baik bagaimana untuk menyelesaikan isu tersebut. Jika jiran tidak mahu bertoleransi, kamu boleh melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa tempatan akan mengambil tindakan mengikut undang-undang.

**Jiran-jiran kamu kerap bergaduh sesama sendiri.** Kamu haruslah menjadi orang tengah untuk mendamaikan perbalahan di antara jiran-jiran kamu. Bawa mereka berbincang agar mereka dapat mengenal pasti punca sebenar persengketaan mereka dan mengambil langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut. Tunjukkan teladan yang baik agar jiran-jiran dapat mencontohi sikap bertoleransi kamu.



**Kucing jiran dibiarkan bebas berkeliaran di kawasan kejiranan sehingga ianya berak merata di halaman rumah kamu.** Kamu harus menasihati jiran dengan sopan agar memastikan kucing peliharaannya tidak berkeliaran di luar rumah. Jika jiran menghadapi masalah dalam memelihara kucing tersebut, kamu boleh meminta izin jiran untuk mencari tuan baharu buat kucing tersebut. Jika jiran tidak mahu bertoleransi, kamu boleh memasang jaring penghalang kucing di sekeliling kawasan rumah kamu.

**Tanaman jiran tidak dijaga dengan baik sehingga memasuki kawasan rumah kamu.** Beritahu dengan sopan kepada jiran dan minta jiran memotong tanamannya yang telah memasuki kawasan rumah kamu. Jika jiran menghadapi masalah kesihatan atau kewangan, kamu boleh meminta izin untuk membantunya memotong tumbuhan yang menjalar masuk ke dalam kawasan rumah kamu.



## Baca dan fahami pernyataan situasi kemudian pilih DUA tindakan bertoleransi yang harus kamu ambil.

1. Jiran membuang sampah di halaman rumah kamu. Kamu.....	
A	Mengutip dan membuang sampah tersebut di halaman rumah jiran.
B	Mengambil gambar dan memviralkan perbuatan jiran di media sosial.
C	Meminta jiran mengutip semula sampah tersebut dengan sopan.
D	Menasihati jiran agar melupuskan sampahnya di tempat yang betul.

2. Anak jiran suka memulas ekzos motosikalnya sehingga bingit.	
A	Meminta jiran menegur perbuatan anaknya dengan sopan.
B	Mengambil video untuk memviralkan anak jiran di media sosial.
C	Memulas ekzos motosikal kamu supaya lebih bising dan bingit.
D	Menasihati anak jiran dengan sopan supaya dia sedar kesilapannya.

3. Jiran mengambil beberapa biji buah manga di pokok mangga kamu.	
A	Memaafkan jiran kerana pokok mangga kamu berbuah lebat.
B	Memberi kebenaran kepada jiran untuk mengambil buah mangga itu.
C	Membuat aduan polis kerana jiran mengambil mangga tanpa izin.
D	Menuduh jiran mencuri dan memarahi jiran tersebut.

4. Jiran telah meletakkan keretanya di halaman rumah kamu.	
A	Memaafkan jiran kerana dia telah meminta izin kamu sebelum itu.
B	Merosakkan kereta jiran kerana meletakkan kereta di rumah kamu.
C	Meletakkan kenderaan kamu pula di halaman rumah jiran.
D	Meminta jiran mengalihkan keretanya dengan sopan.

5. Jiran telah menghalau kucing kamu yang berak di halaman rumahnya.	
A	Membiarakan kucing kamu berkeliaran di luar rumah sepanjang masa.
B	Meminta maaf kepada jiran kerana kucing kamu berak di rumahnya.
C	Memarahi jiran kerana memarahi haiwan peliharaan kamu.
D	Membersihkan najis kucing kamu di halaman rumah jiran.